

[Home](#) / [2026](#) / [May](#) /

Bengkel Pengkomputeran 4.0 UiTM Pulau Pinang Perkasakan Kemahiran Digital Pelajar Tahfiz

SDG SINERGI

07/05/2026 / SITI MARIAM SAAD



SUNGAI PETANI, 28 April 2026 – Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang terus konsisten memacu agenda literasi digital menerusi penganjuran **Bengkel Asas Pengkomputeran 4.0** yang berlangsung di Maahad (Tahfiz) Riyadhil Quran (MRIQ), pada 17 april 2026

Program yang telah dimulakan sejak tahun 2024 ini merupakan inisiatif kesinambungan bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan pelajar aliran agama. Edisi kali ini melibatkan seramai 20 orang pelajar tahfiz terpilih yang dibimbing secara langsung oleh lima orang fasilitator pakar daripada kalangan pensyarah JSKM.

Ketua Projek, Encik Syarul Heiry Yahaya berkata, bengkel edisi 4.0 ini menampilkan pendekatan lebih dinamik melalui modul **Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL)** untuk memastikan sesi pembelajaran berlangsung secara interaktif dan praktikal.

“Kami mahu mengubah persepsi bahawa teknologi maklumat itu sukar. Dengan memperkenalkan teknik penghasilan produk inovasi digital, pelajar tahfiz ini bukan sahaja mampu menghafal al-Quran, malah berupaya menjadi pencipta kandungan digital yang kreatif,” ujar beliau.





Menariknya, para peserta turut didedahkan dengan penggunaan aplikasi *Genially* melalui sesi perkongsian oleh penceramah jemputan, Puan Mahanim Omar. Menerusi bimbingan tersebut, pelajar berjaya menghasilkan permainan interaktif dan *board game* digital sendiri yang menggabungkan elemen hiburan dan pendidikan.

Langkah proaktif ini selaras dengan hasrat UiTM untuk memperkasakan budaya inovasi tanpa mengira latar belakang bidang pengajian. Kemahiran ICT yang diterapkan bukan sahaja membina keyakinan diri peserta, malah mengasah pemikiran kritis dalam penyelesaian masalahsuatu keperluan asas dalam mendepani cabaran ekonomi digital.

Pihak JSKM komited untuk meneruskan program impak komuniti ini pada masa hadapan. Inisiatif ini juga dilihat menyokong matlamat **Sustainable Development Goal (SDG) 4: Quality Education**, dalam melahirkan generasi *huffaz* yang kompetitif, celik IT, dan relevan dengan keperluan industri masa kini.



Tags: **FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK (FSKM), Maahad Riyadhil Quran (MRIQ), UiTM Cawangan Pulau Pinang, Universiti Teknologi MARA (UiTM)**

FSR UiTM, Herbalife Malaysia Suntik
Semangat Keusahawanan,
Perkasakan Kebolehpasaran
Graduan

UiTM Cawangan Perlis Terajui Misi
Kemanusiaan di Phuket; Santuni 50
Kanak-kanak menerusi Khatan
Perdana

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

